



Headline: Pengurus kilang rugi RM40,000 ditipu sindiket
Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 10 March 2018

Language: Malay
Section: Negara
Page: 19

Pengurus kilang rugi RM40,000 ditipu sindiket Macau Scam

BALIK PULAU - Seorang pengurus kilang rugi RM40,000 apabila menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank dan polis.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan A. Anbalagan berkata, difahamkan lelaki itu telah mendapat satu panggilan Selasa lalu oleh pihak yang mendakwa mangsa mempunyai hutang kad kredit berjumlah RM13,268.80 dengan Public Bank.

“Untuk meyakinkan mangsa, sindiket kemudian telah menghubungi mangsa sekali lagi dan menyamar pula sebagai anggota polis dan memaklumkan mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram di Petaling Jaya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, suspek kemudian mengarahkan mangsa memasukkan RM40,000 ke dalam satu akaun di sebuah bank di I-Avenue, Bayan Lepas keesokan harinya kononnya untuk tujuan keselamatan Bank Negara.

Menurut Anbalagan, mangsa kemudian membuat laporan polis selepas menyedari dia ditipu. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara 10 tahun, sebat dan denda jika sabit kesalahan.